

# **PEMIKIRAN WAEL BAHJAT HALLAQ TERHADAP PENGAJIAN**

## **ILMU *UŞÜL AL-FIQH***

### **BAB SATU**

#### **PENDAHULUAN**

##### **1.1 Pengenalan Tajuk**

Ilmu *uṣūl al-fiqh* merupakan satu bidang ilmu yang memfokuskan perbincangan tentang sumber perundangan. Apa yang dimaksudkan dengan sumber di sini ialah dalil, tempat mengambil hukum dan kaedah untuk menganalisis hukum fiqh.<sup>1</sup> Berdasarkan ulama *uṣūl*, sumber perundangan Islam terbahagi kepada dua kategori utama iaitu sumber yang disepakati dan sumber tambahan yang tidak disepakati.<sup>2</sup>

Pengertian *uṣūl al-fiqh* sebagaimana yang ditakrifkan oleh Muḥammad Abū Zahrah merupakan kaedah-kaedah yang dijadikan saranan (alat) untuk menggali hukum-hukum fiqh. Pengertian ini membawa maksud bahawa *uṣūl al-fiqh* adalah satu kaedah yang menjelaskan tentang cara (*method*) pengambilan hukum-hukum yang berkaitan dengan perbuatan manusia dari dalil-dalil *syar'i*.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Abdul Halim El-Muhammady (1994), *Sumber Undang-undang Islam Dan Pandangan Orientalis*, Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd., h. 1.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Muḥammad Abū Zahrah (1999), *Uṣūl al-Fiqh*. (terj.), c.5, Indonesia: Pustaka Firdause, h. 3.

Perkembangan ilmu *uṣūl al- fiqh* pada dasarnya adalah sejajar dengan perkembangan ilmu fiqh. Sejarah pembukuan ilmu *uṣūl al- fiqh* dimulakan oleh Imam al-Shafī'i. Beliau merupakan antara golongan ulama fiqh yang terpenting kerana pembukuan ilmu *uṣūl al- fiqh* adalah berdasarkan perolehan tinggalan hukum fiqh yang diwarisi oleh para sahabat, *tabi'īn* dan para imam yang telah mendahuluinya.<sup>4</sup> Kepakaran dan penguasaan Imam al-Syafī'i terhadap *fiqh al ra'yī* serta pendapat para sahabat dijadikan landasan dalam menetapkan kaedah-kaedah untuk menggali hukum.

Bidang pengkajian ilmu *uṣūl al- fiqh* memerlukan kepada kepakaran dari pelbagai sudut yang merangkumi al-Qurān, al-Sunnah, bahasa arab, ilmu fiqh dan sejarah pensabitan hukum dari zaman para sahabat, *tabi'īn* dan *tabi' tabi'īn*. Penglibatan para ulama *uṣūl* terutama pada kurun ke-3 hingga ke-5 hijrah merupakan satu kemuncak kepada penyelesaian pelbagai masalah semasa yang memerlukan kepada penglibatan para mujtahid. Pembukuan ilmu *uṣūl al- fiqh* di samping peninggalan tentang kaedah-kaedah pensabitan hukum adalah penting untuk diperaktik pada masa kini sehingga munculnya minat dalam kalangan golongan orientalis untuk mengkaji kesan peninggalan, sejarah dan perkembangan ilmu *uṣūl al- fiqh*.

Orientalis adalah merupakan golongan yang mengkaji tentang soal-soal Timur, terutamanya negeri-negeri Arab dan Islam yang meliputi kebudayaan, keagamaan, peradaban, kehidupan dan lainnya dari bangsa negeri Timur.<sup>5</sup> Manakala orientalisme merupakan satu ilmu yang meletakkan soal-soal Timur pada suatu kelas atau tempat

<sup>4</sup> Muḥammad Abū Zahrah (1999), *op.cit*, h. 3.

<sup>5</sup> H. Ismail Jakub (1970), *Orientalisme dan Orientalisten*, c.1, Surabaya: C.V. Faizan, h.1.

untuk dikaji, dijatuhkan hukuman dan statusnya dikuasai.<sup>6</sup> Ia turut meliputi gelombang pemikiran yang mencerminkan pelbagai penyelidikan ketimuran yang berkaitan dengan Islam. Aspek yang dijadikan fokus penyelidikan meliputi bidang peradaban, agama, seni sastera, bahasa dan kebudayaannya.<sup>7</sup> Gelombang pemikiran ini telah memberi satu pandangan besar dalam membentuk persepsi barat terhadap Islam dan dunia Islam.

Penglibatan golongan orientalis dalam pengkajian ilmu perundungan Islam turut melibatkan al-Qurān dan al-Sunnah. Malah pelbagai bentuk pendapat yang dikemukakan oleh orientalis dalam pengkajian mereka terhadap kitab utama umat Islam. Pengkajian mereka terhadap Islam dan hukum Islam perlu kepada proses penganalisaan yang teliti bagi mengelak sebarang kesalahan fakta dan andaian yang dikemukakan tanpa bukti yang jelas. Antara tokoh-tokoh orientalis yang banyak mengkaji sumber asas Islam dan ilmu *uṣūl al- fiqh* adalah Theodore Noldeke, Ignaz Goldziher, Snouck Hurgronje, Joseph Schacht<sup>8</sup> dan Wael Bahjat Hallaq.<sup>9</sup>

Penglibatan Wael Bahjat Hallaq dalam pengkajian ilmu *uṣūl al- fiqh* menyumbang kepada pemikiran yang berbeza dalam pengkajian orientalis barat terhadap hukum Islam. Terdapat beberapa buah artikel yang telah dihasilkan oleh beliau telah berjaya merombak dan menggugat beberapa artikel yang sudah lama kukuh sejak awal kajian hukum Islam di Barat.<sup>10</sup>

---

<sup>6</sup> Edward W.Said (1979), *Orientalism*, c.1, New York: Vintage Books, h.3.

<sup>7</sup> Ghazali Darusalam (1998), *Dakwah Islam Dan Ideologi Barat: Ancaman Terhadap Umat Islam*, c.1, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions Sdn. Bhd., h.88.

<sup>8</sup> Abdurrahman Badawi (2003), *Ensiklopedia Tokoh Orientalis*, c.1, Yogyakarta: LKIS Yogyakarta, h.270.

<sup>9</sup> Akh. Minhaji (1997), *Pengalaman Belajar Islam Di Kanada*, c. 1, Yogyakarta: Titian Ilahi Press, h, 116.

<sup>10</sup> *Ibid.*

Artikel beliau bertajuk *Was The Gate of Ijtihād Closed* telah berjaya menarik perhatian para sarjana dan menyedarkan mereka bahawa artikel yang menyatakan tentang pintu *ijtihād* telah ditutup sebagaimana yang didakwa oleh Joseph Schacht adalah tidak sesuai dengan kenyataan sejarah. Antara karya lain beliau tentang ilmu *uṣūl al-fiqh* adalah *The Origins and Evolution of Islamic Law*, *The Formation of Islamic Law*, *Authority, Continuity and Change in Islamic Law* dan artikel-artikel yang pernah dihasilkan adalah *Was The Gate of Ijtihād Closed?*, *On The Origins of The Controversy About The Existence of Mujtahids and The Gate of Ijtihād*, *Uṣūl al-Fiqh: Beyond Tradition*<sup>11</sup> dan *Early ijtihād and the Later Construction of Authority*.

---

<sup>11</sup> Wael Hallaq (1994), *Law and Legal Theory in Classical and Medieval Islam*, Britain: Galliard (Printers) Ltd, h.1.

## **1.2 Latar Belakang Masalah Kajian**

Bidang ilmu *uṣūl al- fiqh* merupakan satu bentuk kajian yang perlu berpandukan kepada hasil tinggalan ulama *uṣūl* terdahulu selain daripada al-Qurān, al-Sunnah, *ijma'* dan *qiās* yang bertindak sebagai sumber utama dalam mencari penyelesaian masalah sebelum pensabitan hukum ditetapkan. Pemahaman terhadap fakta sejarah, penulisan dan pembukuan ilmu *uṣūl al- fiqh* serta kefahaman yang mendalam terhadap dalil-dalil yang *thabit* dengan masalah yang dikaji adalah perlu diteliti oleh setiap para mujtahīd. Bidang pengkajian ilmu *uṣūl al- fiqh* bukan sahaja dipelopori oleh umat Islam, bahkan ramai penyelidik dari Barat yang dikenali sebagai orientalis menyumbangkan hasil kajian mereka terhadap umat Islam.

Penulis mendapati penglibatan orientalis dalam bidang pengkajian hukum Islam khususnya bidang ilmu *uṣūl al- fiqh* tidak banyak mendapat pendedahan dalam karya-karya ilmiah. Penghasilan artikel dan buku oleh orientalis seperti Ignaz golziher, Joseph Schacht, dan J.N.D. Anderson dalam kajian mereka terhadap hukum Islam sering mendapat reaksi negatif umat Islam kerana banyak fakta dan kesimpulan yang dihasilkan oleh mereka tentang Islam adalah salah dan menyeleweng daripada fakta sebenar. Oleh itu, pemilihan artikel Wael Bahjat Hallaq sebagai fokus utama kajian ini adalah bertujuan untuk mendedahkan penglibatan beliau dan bentuk pemikiran beliau dalam pengkajian ilmu *uṣūl al- fiqh*.

Secara umumnya, penglibatan Wael Bahjat Hallaq dalam bidang kajian *uṣūl al- fiqh* telah berjaya menghasilkan pelbagai artikel dan buku-buku berkaitan *uṣūl al- fiqh*. Banyak karya dan artikel yang dihasilkan oleh beliau telah dijadikan sebagai rujukan dan turut memberi sumbangan pengetahuan terhadap umat Islam. Walaupun begitu, penglibatan Wael Bahjat Hallaq dan artikel-artikel yang dihasilkan beliau masih belum diketengahkan secara khusus dalam kajian ilmiah atau disertasi. Penilaian terhadap bentuk pemikiran dan hasil kajian beliau adalah penting untuk mengenalpasti kebenaran atau kesilapan maklumat yang mungkin timbul.

### **1.3     Penyataan Masalah Kajian**

Penglibatan orientalis dalam pengkajian hukum Islam telah berlangsung sejak sekian lama. Sumbangan mereka dalam bentuk buku dan ensiklopedia terhadap Islam secara tidak langsung turut memberi peluang kepada umat Islam untuk mengenalpasti bentuk pemikiran dan kesimpulan yang dihasilkan oleh orientalis terhadap Islam. Tokoh-tokoh orientalis seperti Snouck Hugronje, Ignaz Goldziher, dan Joseph Schacht antara contoh orientalis yang sanggup menghabiskan hidup mereka dalam pengkajian terhadap hukum Islam. Walaupun begitu, kajian yang dihasilkan oleh mereka sentiasa mencetus kontroversi daripada pengkaji-pengkaji Islam. Penulis mendapati karya orientalis yang mengkhusus dalam bidang *uṣūl al- fiqh* tidak banyak dibincangkan. Begitu juga dengan idea-idea jujur tentang Islam dan hukum Islam yang mungkin wujud dalam kalangan orientalis tidak dinyatakan secara khusus.

Karya Wael Bahjat Hallaq merupakan antara karya yang mendapat pandangan positif daripada pengkaji-pengkaji Islam. Penulisan beliau tentang hukum Islam secara keseluruhannya tidak berbaur diskriminasi terhadap Islam sebagaimana yang pernah dihasilkan oleh orientalis Barat yang lain. Malah penulis mendapat terdapat beberapa buah artikel yang dihasilkan oleh beliau perlu diberi perhatian khususnya berkaitan dengan perkembangan *ijtihād*. Oleh itu, kajian ini akan menjawab dan menyelesaikan beberapa permasalahan yang wujud berlandaskan kepada beberapa persoalan di bawah iaitu:-

1. Siapakah Wael Bahjat Hallaq dan apakah penulisan yang telah dihasilkan?
2. Apakah sumbangan utama beliau dalam bidang pengkajian *uṣūl al-fiqh*?
3. Apakah kandungan utama artikel *Was The Gate of Ijtihād Closed* yang telah berjaya menaikkan nama beliau dalam pengkajian *uṣūl al-fiqh*.
4. Bagaimanakah bentuk pemikiran beliau terhadap pengkajian *uṣūl al-fiqh* khususnya berkaitan metodologi *ijtihād*?

## **1.4      Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini dilakukan adalah untuk:-

- 1- Mengenalpasti latar belakang pendidikan Wael Bahjat Hallaq dan penghasilan karya dalam bidang *uṣūl al-fiqh*.
- 2- Mengenalpasti karya-karya penulisan Wael Bahjat Hallaq dalam bidang pengkajian Islam terutama ilmu *uṣūl al-fiqh*.
- 3- Menganalisis pemikiran Wael Bahjat Hallaq mengenai kedudukan *ijtihād*.

## **1.5 Kepentingan kajian**

Penghasilan kajian ini diharap dapat memberi manfaat khususnya kepada sarjana *uṣūl* untuk menilai pemikiran Wael Bahjat Hallaq dalam pengkajiannya terhadap *uṣūl al-fiqh*. Artikel beliau berkaitan isu penutupan pintu *ijtihād* adalah penting untuk diteliti kandungannya dan perlu diberi penganalisaan yang sewajarnya.

Penulis juga berharap agar kajian ini dapat memberi kepentingan kepada umat Islam untuk mengenali dan memahami tujuan utama pembabitan Wael Bahjat Hallaq dalam bidang *uṣūl al-fiqh*. Secara tidak langsung ia akan memberi ruang bagi membantu penerokaan umat Islam terhadap karya-karya yang telah dihasilkan oleh Wael Bahjat Hallaq untuk dikaji dan dianalisis tentang kebenaran atau pembohongan yang mungkin wujud dalam karya yang dihasilkan oleh beliau.

## 1.6 Skop Kajian

Kajian ini secara khususnya akan memberi tumpuan terhadap tiga artikel yang dihasilkan oleh Wael Bahjat Hallaq yang berkait secara langsung dengan metodologi *uṣūl al-fiqh* iaitu *ijtihād*. Persoalan tentang *ijtihād* merupakan fokus utama dalam kajian ini kerana artikel yang dihasilkan Wael Bahjat Hallaq tentang *ijtihād* merupakan antara artikel terpenting yang telah berjaya menaikkan nama beliau sebagai pengkaji *uṣūl al-fiqh* yang disegani. Secara tidak langsung penulisan beliau terhadap isu penutupan pintu *ijtihād* telah meletakkan beliau sebagai penggiat orientalis pertama yang menyangkal dakwaan yang telah lama dicetuskan oleh Joseph Schacht tentang *Insidād Bāb al Ijtihād*.

Selain itu, pemilihan terhadap artikel-artikel ini dibuat berdasarkan kepada kesinambungan kandungan tentang *ijtihād* yang wujud di antara satu artikel dengan artikel yang lain. Fakta-fakta tentang perkembangan *ijtihād* akan dianalisis bagi menilai kekuatan, persamaan atau kekeliruan fakta yang dihasilkan oleh Wael Bahjat Hallaq. Artikel-artikel beliau yang akan dikaji dan dianalisis adalah:

- 1- *Was The Gate of Ijtihād Closed?*
- 2- *On The Origins of the Controversy About The Existence of Mujtahid and The Gate of Ijtihād*
- 3- *Early Ijtihād and The later Construction of Authority*

Penulisan dalam disertasi ini tidak akan mengupas pandangan daripada orientalis barat yang lain, kecuali melibatkan beberapa artikel yang dikemukakan oleh Joseph Schacht yang berkaitan secara langsung dengan artikel *Was The Gate of Ijtihād Closed* dan menjadi asas utama penulisan Wael Bahjat Hallaq terhadap tajuk *ijtihād*.

### **1.7 Kajian Lepas (Literature Review)**

Ulasan penulis terhadap beberapa bahan yang berkaitan dengan kajian adalah seperti berikut:-

Edward W. Said, *Orientalism*,<sup>12</sup> lebih menjurus kepada pengenalan secara ringkas tentang maksud sebenar orientalis yang dikupas dengan jelas berdasarkan kepada situasi, tempat kajian dan bidang pengkhususan. Terdapat tiga bab utama dalam buku ini yang meliputi bidang pengkhususan pengkajian orientalis, struktur orientalis dan kedudukan orientalis masa kini. Buku ini secara umumnya memberi maklumat terperinci tentang pembabitan orientalis di negara Arab. Akan tetapi tidak diperincikan dengan jelas pembabitan dan bidang pengkajian yang dijalankan. Beliau mengolah secara umum tentang pengkajian orientalis ke atas negara Islam merangkumi bidang ekonomi, agama dan aspek sosial. Metod komparatif banyak digunakan oleh Edward W. Said dalam membuat kesimpulan di antara negara Islam dan negara Barat. Malah kesimpulan yang dihasilkan oleh beliau lebih menonjolkan imej negatif negara Islam berbanding perkembangan positif dalam negara Barat.

---

<sup>12</sup> Edward W. Said (1978), *Orientalism*, New York: Vintage Books.

Pengkajian tentang orientalis telah dikemukakan oleh Abdul Muin Umar<sup>13</sup> dalam buku bertajuk *Orientalisme dan Studi Tentang Islam*. Buku ini dibahagikan kepada lima topik perbincangan utama yang meliputi sejarah perkembangan orientalis, faktor-faktor yang mendorong minat orientalis terhadap Islam serta biografi ringkas tokoh-tokoh orientalis yang berpengaruh seperti Ignaz Goldziher, Snouck Hurgronje, H.A.R. Gibb dan D.B. McDonald. Beberapa maklumat penting diperolehi mengenai sejarah perkembangan orientalisme dan beberapa sumbangan mereka terhadap penulisan dan penterjemahan bahasa Arab. Walaupun begitu, buku ini hanya menyatakan secara umum pembabitan orientalis dalam pengkajian ilmu Islam tanpa wujudnya sebarang bentuk spesifikasi bidang ilmu yang dikaji.

Penglibatan orientalis dalam pengkajian Islam dapat dilihat dengan jelas dalam buku *Islamic History Through The Lens of Orientalism: Islam and The west*<sup>14</sup> yang ditulis oleh Dr. Philip K. Hitti serta beberapa orientalis lain. Buku ini secara keseluruhannya memberi gambaran yang buruk tentang sikap orientalis dalam pengkajian mereka terhadap Islam. Pelbagai topik dibincangkan dalam buku ini yang meliputi sejarah perkembangan Islam, isu penyelewengan nabi Muhammad dan kedudukan Islam dari sudut pandangan orientalis. Hasil kajian dalam buku ini tidak bersandarkan kepada bukti yang lengkap dan terlalu banyak fakta tentang Islam dan nabi Muhammad diseleweng oleh orientalis.

---

<sup>13</sup> Abdul Muin Umar, (1978), *Orientalisme dan Studi Tentang Islam*, Jakarta: Terbitan Bulan Bintang.

<sup>14</sup> Philip K. Hitti *et al.*(1981), *Islamic History Through The Lens of Orientalism: Islam and The west*, Pakistan: Muhammad Yusuf Khan & Sons.

Muṣṭhafa al-Sibā’iy, *Sikap Para Orientalis Terhadap Umat Islam*<sup>15</sup> pada asasnya mempunyai banyak maklumat yang sama dengan buku karangan Abdul Muin Umar. Maklumat berkaitan orientalis dikupas dari aspek sejarah, biografi dan senarai buku yang dihasilkan. Apa yang membezakan buku hasil karangan Muṣṭhafa Al-Sibā’iy dengan buku karangan Abdul Muin Umar adalah beliau membuat komen ringkas tentang kewujudan segelintir daripada orientalis yang beranggapan positif terhadap Islam seperti yang telah dilakukan oleh orientalis Perancis, Diret atau nama Islamnya Nashruddin Diret yang akhirnya akur dengan Islam dan akhirnya beliau memeluk Islam dan telah menghasilkan sebuah buku tentang riwayat hidup Rasulullah. Kandungan buku ini memberi maklumat tambahan kepada penulis tentang penglibatan segelintir orientalis yang bersikap ikhlas dalam pengkajian mereka terhadap Islam.

Sejarah perkembangan orientalis dan pengaruhnya terhadap dunia Islam diperolehi daripada buku *Orientalisme Dan Orientalisten*<sup>16</sup>. Secara keseluruhannya, penulis buku ini banyak mengulas tentang pengkajian orientalis terhadap Islam berdasarkan kronologi sejarah yang bermula daripada zaman Perang Salib sehingga kepada faktor yang mendorong kepada pengkajian Islam. Kekuatan utama buku ini ialah perbincangan yang sangat terperinci tentang asal kemunculan orientalis yang dibahagikan kepada empat fasa masa yang berbeza.

---

<sup>15</sup> Muṣṭhafa al-Sibā’iy (t.t), *Sikap Para Orientalis Terhadap Umat Islam*. Ahmedie Thaha (terj.), Jakarta: P.T. Prasati.

<sup>16</sup> Prof. Ismail Jakub (1970), *Orientalisme dan Orientalisten*, Surabaya: C.V. Faizan.

Pendedahan tentang aktiviti orientalis ditulis dengan terperinci oleh Dr. Ahmad Ghorab dalam buku *Subverting Islam: The Role of Orientalist Centres*.<sup>17</sup> Penulisan dalam buku ini adalah bertujuan untuk mendedahkan kepada umat Islam tentang niat jahat orientalis dalam menjalinkan kerjasama dengan umat Islam. Beberapa isu semasa seperti kerjasama Saudi Arabia dengan orientalis dan penubuhan pusat pengajian Islam di Oxford serta isu-isu berkaitan ibadah dikupas dengan terperinci. Secara umumnya, penulis mendapati buku ini merupakan satu luahan tidak puas hati pengarang terhadap golongan orientalis dan hasil pengkajian mereka. Elemen-elemen negatif berkaitan pengkajian orientalis terhadap Islam dikupas dengan terperinci. Banyak pengkajian yang dihasilkan orientalis bersifat tidak adil terhadap Islam, tetapi mungkin terdapat beberapa hasil pengkajian mereka yang boleh diketengahkan dalam pengkajian Islam dan ia perlu dinyatakan.

Buku *The Origins Of Muhammadan Jurisprudence*<sup>18</sup> yang dikarang oleh Joseph Schacht memuatkan kandungan tentang penglibatan imam al-Shafi'i dalam bidang *uṣūl al-fiqh* yang secara tidak langsung membawa perbahasan berkaitan kandungan kitab *al-Risālat* serta penerimaan golongan tradisionalis dan rasionalis terhadap pemikiran yang dibawa oleh imam al-Shafi'i. Selain itu, isu penerimaan metod *qiyās* dan *ijtihād* dalam kalangan golongan Mu'tazila dan tradisionalis dikupas berdasarkan kronologi sejarah dan beberapa pandangan daripada Goldziher. Hasil penelitian, buku ini membincangkan tentang metodologi asas yang terdapat dalam *uṣūl al-fiqh* dari sudut pandangan penulis orientalis. Schacht banyak merujuk kepada penulis orientalis lain seperti Goldziher berkaitan dengan sejarah perkembangan *uṣūl al-fiqh*. Buku ini secara umumnya memberi gambaran

---

<sup>17</sup> Dr. Ahmad Ghorab (1995), *Subverting Islam: The Role of Orientalist Centres*, London: Minerva Press.

<sup>18</sup> Joseph Schacht (1953), *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*, Britain: Oxford University Press.

awal kepada penulis tentang penulisan Schacht yang menimbulkan kontroversi tentang isu *ijtihād*. Walaupun begitu, kandungan buku ini lebih banyak membahaskan perkembangan *uṣūl al-fiqh* pada zaman imam al-Shafi'i dan kontroversi yang berlaku dalam kalangan tradisionalis dan reformis.

Pengalaman mempelajari hukum Islam bersama Wael Bahjat Hallaq telah mendorong Akh Minhaji untuk menulis artikel tentang *Kontribusi Dr. Wael B. Hallaq Dalam Kajian Hukum Islam*<sup>19</sup>. Penulisan artikel ini secara tidak langsung menyentuh biografi ringkas Wael Bahjat Hallaq yang merangkumi latar belakang dan beberapa penghasilan artikel tentang hukum Islam. Selain itu, Akh Minhaji turut menganalisis secara ringkas beberapa artikel Wael Bahjat Hallaq dalam menolak pandangan orientalis seperti Joseph Schacht, Patricia Crone dan Goldziher. Hasil penulisan beliau menunjukkan bahawa sumbangan orientalis-orientalis terdahulu secara tidak langsung telah membuka peluang kepada Wael Bahjat Hallaq untuk menghasilkan artikel-artikel yang telah berjaya menaikkan nama beliau dalam bidang pengkajian hukum Islam. Akh Minhaji telah mengemukakan pendapat beliau tentang kaitan rapat yang wujud di antara penulisan Schacht dan Hallaq yang patut diberi perhatian oleh pengkaji artikel orientalis. Perkaitan yang wujud tersebut adalah berdasarkan kepada sumbangan Schacht yang berbentuk tohmahan terhadap Islam manakala penulisan Wael Bahjat Hallaq pula lebih kepada maklum balas terhadap pandangan negatif Schacht terhadap hukum Islam. Hasil penulisan Akh Minhaji secara tidak langsung telah menyumbang beberapa maklumat penting tentang biografi Wael Bahjat Hallaq kepada penulis. Walaupun begitu, penulisan ini secara khususnya lebih

---

<sup>19</sup> Akh Minhaji (1996), "Kontribusi Dr. Wael B. Hallaq Dalam Kajian Hukum Islam", dalam Yudian W. Asmin *et al.* (eds.), *Pengalaman Belajar Islam di Kanada*, Yogyakarta: Titian Ilahi Press, h. 115-130.

tertumpu kepada analisis berbentuk komparatif di antara hasil penulisan Wael Bahjat Hallaq dengan penulisan orientalis lain terhadap bidang hukum Islam.

Penulisan tentang peranan *ijtihād* berdasarkan hukum Islam semasa telah dikupas oleh Rahimin Affandi Abdul Rahim dalam artikel beliau bertajuk *Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini: Satu Pengenalan*<sup>20</sup>. Penulisan ini menyentuh secara langsung tentang kepentingan peranan *ijtihād* dalam berhadapan dengan hukum Islam semasa. Artikel ini menyediakan metod dan penyelesaian terhadap masalah yang membelenggu sarjana fiqh dalam berhadapan dengan hukum Islam semasa. Penulisan artikel ini juga turut memuatkan peranan orientalis dan usaha mereka dalam berhadapan dengan kajian terhadap Islam. Banyak cadangan dan idea yang dikemukakan oleh Rahimin Affandi terhadap kepentingan penjanaan fiqh semasa dan keterbukaan pemikiran sarjana fiqh dalam melaksanakan *ijtihād* pada masa kini. Malah pemahaman sarjana fiqh terhadap sains sosial dan hukum Islam adalah penting untuk perkembangan fiqh dan pelaksanaan *ijtihād* yang berlandaskan hukum Islam semasa.

Isu tentang pengasas utama ilmu *uṣūl al-fiqh* telah dibahaskan oleh ramai sarjana Islam dan orientalis. Malah ramai dalam kalangan sarjana fiqh seperti Abū al-Wafa' al-Afghani, Ahmad Ḥassan dan Ibn al-Nādim menafikan peranan imam al-Shafī'i sebagai *The Master Architect of Islamic Jurisprudence* berdasarkan bukti penulisan tentang *uṣūl al-fiqh* yang wujud pada kurun ke tiga hijrah. Artikel bertajuk *As-Shafī'i's Role in The*

---

<sup>20</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2002), *Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini: Satu Pengenalan*, Jurnal Syariah, Jil. 10, Bil. 1, h. 1-24.

*Formulation of Islamic Law*<sup>21</sup> dikarang secara ringkas tetapi padat dengan maklumat berkaitan percanggahan pendapat tentang pengasas utama *uṣūl al-fiqh*. Artikel yang dihasilkan oleh Dr. Abdul Karim Ali secara tidak langsung berkait rapat dengan artikel yang dihasilkan oleh Wael Bahjat Hallaq tentang kedudukan imam al-Shafī'i sebagai bapa *uṣūl al-fiqh*. Walaupun begitu, masih terdapat ruang kosong yang perlu ditambah seperti peranan murid imam al-Shafī'i iaitu Sayrafī, Ibnu Surayj dan Qaffal yang membawa kepada kemasyhuran *uṣūl al-fiqh* selepas kewafatan imam al-Shafī'i.

Bagi melengkapkan lagi maklumat awal mengenai orientalis, penulis merujuk kepada disertasi sarjana yang mempunyai tajuk berkaitan pembabitan orientalis. Disertasi yang dihasilkan oleh Arif Chasanul Muna<sup>22</sup> berkenaan pengkajian G.H.A. Junyboll terhadap bidang hadith dan *sanād*. Walaupun begitu, tidak banyak maklumat yang dapat diperolehi kerana kajian ini lebih menjurus kepada pengkajian orientalis dalam bidang Ḥādīth.

---

<sup>21</sup> Dr. Abdul Karim Ali (1997), *Al-Shafī'i's Role In The Formation Of Islamic Law*, Jurnal Syariah, Jil. 5 Bil. 2, h. 149-153.

<sup>22</sup> Arif Chasanul Muna (2008), “Orientalis Dan Kajian Sanad: Analisis Terhadap Pendapat G.H.A. Junyboll” (Kertas Projek, Jabatan al-Qurān dan al-Ḥādīth, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Daripada hasil kajian literature review, penulis mendapati terdapat beberapa ruang kosong yang boleh diisi dengan disertasi ini, antaranya;

1. Penulisan tentang penglibatan Wael Bahjat Hallaq dalam bidang pengkajian *uṣūl al-fiqh* yang masih lagi bergiat aktif sehingga kini. Pengkajian beliau dalam bidang *uṣūl al-fiqh* secara tidak langsung turut memberi sumbangan ilmiah kepada sarjana fiqh kini.
2. Penulisan tentang pemikiran Wael Bahjat Hallaq berdasarkan kepada artikel beliau yang berkaitan dengan isu penutupan pintu *ijtihād* dan kedudukan *ijtihād* sebagai sumber hukum Islam.
3. Penganalisaan terhadap beberapa karya yang dihasilkan oleh Wael Bahjat Hallaq yang berkait secara langsung dengan pengkajian terhadap bidang *uṣūl al-fiqh*. Beliau telah menghasilkan banyak buku dan artikel yang berkaitan dengan ilmu *uṣūl al-fiqh*, akan tetapi sumbangannya tidak banyak diketengahkan oleh sarjana *uṣūl*.

## **1.8 Metodologi Kajian**

Penghasilan kajian ini akan melibatkan beberapa metodologi yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data yang diperlukan. Oleh itu, metodologi utama yang digunakan adalah:

### **1.8.1 Metod Pengumpulan Data**

Melalui kaedah ini segala data yang berkaitan dengan tajuk kajian akan dikumpul dengan teliti. Oleh kerana tajuk kajian ini berkaitan secara langsung dengan karya orientalis maka penulis telah menggunakan kaedah perpustakaan (*library research*) yang kebanyakannya bergantung kepada bahan primari dan sekondari. Pemilihan yang rapi telah dibuat terhadap bahan-bahan primari dan sekondari. Antara bahan-bahan primari yang digunakan adalah artikel, jurnal dan buku yang telah dihasilkan oleh sarjana orientalis, Wael Bahjat Hallaq dan buku-buku yang berkaitan secara langsung dengan ilmu *uṣūl al-fiqh*. Manakala penggunaan bahan sekondari melibatkan penggunaan laman web dan buku-buku yang berkaitan dengan orientalis yang berkaitan secara tidak langsung dengan tajuk kajian.

## **1.8.2 Metod Analisis Data**

Data yang diperlukan dalam kajian ini telah dikumpulkan melalui metod pengumpulan data dan seterusnya data-data tersebut akan dianalisis dan diolah dengan terperinci untuk mendapatkan satu kesimpulan atau penyelesaian terhadap persoalan dan masalah yang dikaji. Pendekatan utama yang digunakan dalam metod ini ialah:

### **1.8.2.1 Metod Induktif**

Metod ini merupakan satu cara penganalisaan data-data yang bersifat khusus kepada satu bentuk kesimpulan yang bersifat umum. Secara umumnya, penyelidik akan mencari hubungan-hubungan antara fakta atau pengalaman yang berlaku.<sup>23</sup> Metod ini akan digunakan sepenuhnya oleh penulis dalam bab ke tiga yang berkaitan dengan penganalisaan terhadap pemikiran Hallaq berdasarkan kepada artikel yang dihasilkan beliau. Selain itu, metod ini akan digunakan juga dalam bab ke empat yang merangkumi dapatan kajian dan kesimpulan.

---

<sup>23</sup> Adrian D.Degroot (1969), *Methodology Foundation On Inference and Research In The Behavioral Sciences*, Paris: The Hague, h. 53.

### **1.8.2.2 Metod Deduktif**

Metod ini merupakan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berlandaskan kepada dalil-dalil umum terhadap hal-hal yang bersifat khusus. Ianya menghuraikan sesuatu masalah dengan terperinci iaitu bermula daripada fakta-fakta yang tertentu kepada pernyataan yang lebih bersifat umum dengan menggunakan data-data dan contoh-contoh yang jelas.<sup>24</sup> Metod ini akan digunakan dalam bab ke tiga yang berkaitan dengan penganalisaan terhadap pemikiran Wael Bahjat Hallaq berdasarkan kepada artikel yang dihasilkan beliau. Selain itu, metod ini akan digunakan juga dalam bab ke empat yang merangkumi dapatan kajian dan kesimpulan.

---

<sup>24</sup> *Ibid*, h. 74.

## 1.9 Sistematika Penulisan

Disertasi ini secara umumnya dibahagikan kepada empat bab utama. Ia merangkumi:-

**Bab pertama** adalah merupakan pengenalan kepada tajuk disertasi di samping penyataan latar belakang masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dilakukan, skop kajian, literature review dan metodologi penyelidikan. Selain itu, turut dimuatkan adalah sistematika penulisan.

**Bab kedua** adalah merupakan satu biografi tentang Wael Bahjat Hallaq. Kandungan utama dalam biografi meliputi latar belakang pendidikan, penulisan dan karya-karya yang telah diterbitkan serta sumbangan beliau dalam bidang pengkajian ilmu *uṣūl al-fiqh*.

**Bab tiga** merupakan kajian analisis terhadap artikel *Was The Gate of Ijtihād Closed, On The Origins of the Controversy About The Existence of Mujtahid and The Gate of Ijtihād* dan *Early Ijtihād and The later Construction of Authority*. Penulisan dalam bab ini merangkumi penganalisaan terhadap kandungan artikel-artikel Wael Bahjat Hallaq yang berkait secara langsung dengan tajuk *ijtihād*. Artikel-artikel tersebut akan dianalisis menggunakan metod induktif dan metod deduktif.

**Bab ke empat** merupakan rumusan dan kesimpulan terhadap bentuk pemikiran Wael Bahjat Hallaq yang dianalisis berdasarkan artikel-artikel yang dihasilkan oleh beliau.